

Headline	Pondan tidak segan kongsi cerita kehidupan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	23 Nov 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u20	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 962
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,886



Pondan tidak segan kongsi cerita kehidupan

GEORGETOWN

Mengakui hidupnya dipenuhi liku hidup begitu mencabar, namun menyedari dirinya bergelar transeksual (pondan) atas pilihan diri dan bukannya paksaan, Zarina Abdul Rahman akur.

Menurutnya, ketika berusia 15 tahun dia lari dari rumah berikutan sering dipukul oleh ayahnya kerana tidak berkelakuan seperti orang lelaki.

"Selepas itu saya berjumpa dengan seorang transeksual lagi, dan bermula dari situ episod hidup saya bertukar menjadi pekerja seks.

"Selepas hampir empat tahun, saya kembali hidup normal dan bekerja dengan Community Aids Service Pulau Pinang (Casp) yang menyelamatkan hidup saya.

"Desakan hidup membuat saya melakukan pekerjaan itu. Namun keluarga masih



Zarina dalam satu program bersama masyarakat.

sayangkan saya, ibu dan ayah sekarang memahami naluri saya dan saya diterima kembali oleh mereka," katanya.

Disebabkan cabaran hidup itulah membuatkan dirinya terpanggil untuk berkongsi pengalamannya dengan masyarakat.

Menurutnya, pada setiap minggu dia akan mengunjungi sarang pelacuran untuk memberi khidmat nasihat ke-

pada pekerja seks.

"Saya akan mengunjungi mereka sekurang-kurangnya tiga kali seminggu untuk mendidik mereka secara perlahan-lahan mengenai bahayanya HIV dan juga Aids, serta hampir setiap minggu juga saya membawa kondom percuma untuk diberikan kepada mereka.

"Bukan saya hendak menggalakkan tetapi ini ada-

lah antara cara supaya mengurangkan peningkatan pesakit HIV pada setiap tahun.

"Apa yang menjadi masalah kepada mereka, pelanggan mereka sendiri tidak mahu memakai kondom yang diberikan," katanya yang kini bekerja di Casp.

Menceritakan pengalamannya yang juga bertugas sebagai penyelidik, Zarina pernah beberapa kali ditangkap polis kerana disangka pekerja seks.

Tetapi lama kelamaan, polis mengenalinya dari badan bukan kerajaan (NGO).

Cemuhan oleh masyarakat sudah menjadi sebatil dalam kehidupannya selama menjadi seorang transeksual.

"Matlamat saya sekarang ialah memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa HIV dan Aids adalah musuh utama negara," katanya.